

Sila sahkan yang anda ingin menyertai cabutan dan anda menerima terma dan syarat yang berikut.

Peraturan cabutan ganjaran hadiah:

1. Peraturan berikut akan berkuat kuasa. Dengan menyertai cabutan, peserta menerima terma dan syarat ini.
2. Tarikh tutup adalah pada 20 hb Januari 2019 / 20 hb April 2019 / 20 hb Julai 2019 / 20 hb Oktober 2019.
3. Semua peserta secara automatik akan menyertai cabutan hadiah asalkan mereka melengkapkan alamat untuk dihubungi yang sah (nama + telefon dan/atau e-mel) di penghujung tinjauan.
4. Jika anda menghadapi sebarang masalah teknikal dan tidak dapat memberikan butiran hubungan anda dalam tinjauan web, sila hantarkannya kepada info@m1nd.set.com.
5. Pemenang akan menerima 2 tiket perjalanan jauh untuk mana-mana penerbangan, perjalanan sehala (dan pergi balik), yang dikendalikan oleh penerbangan berikut: American Airlines, Air France, Delta, KLM, Etihad, Finnair, Swiss, Thai Airways dan Singapore Airlines. Pengecualian untuk penerbangan sehala boleh dibuat sekiranya, penganjur atau syarikat penerbangan yang mengeluarkan tiket membuat keputusan tersebut, atau sekiranya pemenang memerlukan lebih dari 4 jam (keretapi atau jalan raya) perjalanan untuk sampai ke lapangan terbang bagi menebus tawaran tersebut. Tarikh penerbangan adalah terbuka tetapi bergantung pada ketersediaan pada masa tempahan dibuat. Tiket mesti ditempah sebelum 10 hb Januari 2020 / 10 hb April 2020 / 10 hb Julai 2020 / 10 hb Oktober 2020.
6. Kakitangan m1nd-set dan keluarga terdekat mereka tidak layak untuk menyertai.
7. Tidak termasuk insurans perjalanan, pengangkutan darat, hotel, dsb.
8. Pemenang hadiah akan dipilih secara rawak daripada mereka yang telah melengkapkan tinjauan sehari selepas tarikh tutup. Cabutan akan dibuat oleh pengarah projek m1nd-set bersama dengan 2 orang kakitangan yang lain sebagai saksi kepada proses tersebut. Proses cabutan yang sebenar akan didokumenkan dan ditandatangani oleh pengarah projek dan saksi. Dokumen ini akan tersedia kepada semua peserta apabila menerima permintaan bertulis.
9. Keputusan akan disiarkan di www.AirSatisfaction.com pada 25 hb Januari 2019 / 25 hb April 2019 / 25 hb Julai, 2019 / 25 hb Oktober 2019. Pemenang akan dimaklumkan melalui telefon atau e-mel.
10. Hanya satu(1) penyertaan dibenarkan untuk setiap orang. Mereka yang menyertai sebanyak dua kali akan dibatalkan.
11. Syarat ini dan sebarang pertikaian yang mungkin timbul dari tinjauan cabutan hadiah ini adalah di bawah kuasa undang-undang Switzerland.
12. Keputusan pihak penganjur (m1nd-set) adalah muktamad dan surat-menyurat tidak akan dilayan.
13. Nama pemenang boleh didapati dari m1nd-set dengan menulis kepada: m1nd-set SA, rue du Lac 47, 1800 Vevey, Switzerland.